

UMS meterai kerjasama penyelidikan dengan EHA

Larissa Lumandan DE 13.5.2015 3

KOTA KINABALU: Universiti Malaysia Sabah (UMS) pada Selasa menandatangani Perjanjian Persefahaman (MoU) dengan EcoHealth Alliance (EHA) untuk menandatangani kerjasama rasmi mereka dalam penyelidikan berkaitan kesihatan, ekonomi dan alam sekitar.

Naib Canselor UMS, Profesor Datuk Dr Mohd Harun Abdullah berkata, kerjasama itu sudah tentu akan memberikan pendedahan kepada saintis-saintis tempatan terutamanya daripada segi penyelidikan perubatan di samping penerbitan jurnal-jurnal berimpak tinggi.

“Santins-saintis tempatan akan berpeluang untuk melibatkan diri dalam pelbagai kajian membabitkan perubatan, sains, ekonomi dan lain-lain. Ini merupakan satu peluang yang amat baik... Sabah mempunyai banyak sumber semula jadi dan boleh dimanfaatkan untuk tujuan-tujuan perubatan.

“Oleh itu, kami mengharapkan lebih banyak kerjasama dengan EHA dan dengan sokongan kewangan yang diterima, kami menjangkakan untuk bekerjasama rapat dalam pelbagai aspek berkaitan persekitaran,” katanya sambil menambah, mereka sekarang ini sedang mengusahakan satu penyelidikan dan sudah menerima dana bernilai lebih kurang RM300,000.

“Jika kita benar-benar ingin melestarikan bumi yang kita nikmati, kita perlu menjadikan ia berdaya maju daripada segi ekonomi dan itulah sasaran sebenar kerjasama ini,” kata Presiden EHA, Dr Peter Daszak.

“Saya tidak sabar untuk bekerja bersama bijak pandai, saintin-saintis yang hebat yang berada di sini daripada bahagian kesihatan, bahagian alam sekitar dan bahagian ekonomi di UMS... pertumbuhan kami menghargai usaha-usaha kamu dan kakitangan bagi menjadikannya satu kenyataan, dan saya sangat mengharapkan pertumbuhan, sains yang mengagumkan dan kerja-kerja dalam beberapa tahun ini,” katanya.

Menurut beliau, EHA sudah bekerja di Malaysia sejak 15 tahun lalu dengan tumpuan untuk memahami hubungan di antara ekologi dan kesihatan.

Daszak menjelaskan bahawa dalam ke-



HARUN (kedua dari kiri) dan Daszak (kedua kanan) selepas pemeteraian MoU.

hidupan kebanyakan orang ingin mencari keseimbangan di antara keperluan manusia dan keperluan alam sekitar.

“Bagaimanapun, di sesetengah tempat di dunia ini, keseimbangannya tidak betul dan hidupan liar semakin pupus dan pencemaran adalah tinggi. Populasi manusia menderita disebabkan perkara itu dan implikasi kesihatan boleh jadi agak penting,” jelasnya.

Penyakit-penyakit timbul, sebagai contoh virus Sindrom Pernafasan Akut Yang Teruk (SARS) yang merebak menerusi perdagangan dan pemburuan hidupan liar hingga ke tahap yang tidak lestari, katanya.

Nasib baik, menurut Daszak, Sabah masih mempunyai kekayaan kepelbagaian bio dan kerajaan berpandangan jauh untuk memahami nilai ekonominya menerusi pelancongan eko dan menerusi kehidupan penduduk tempatan yang lebih baik.

“Justeru, apa yang kerjasama dengan UMS ini akan lakukan ialah, kami akan melihat impak ekonomi daripada perkara-perkara ini untuk cuba dan mencari satu jalan untuk mendapatkan keseimbangan di antara pembangunan manusia dan alam sekitar, dengan cara di mana ia berdaya maju daripada segi ekonomi yang berguna untuk etika dan keseronokan kita dalam kehidupan,” katanya.

Pemeteraian MoU itu melancarkan secara rasmi Unit Pembangunan dan Penyelidikan Kesihatan (DHRU), sebuah perkongsian platform latihan dan penyelidikan, mempertemukan dialog meja bulat di antara kerajaan, industri dan Pertubuhan Bukan Kerajaan mengenai hubungan ekonomi di antara perubahan penggunaan tanah dan kemunculan penyakit.

DHRU disokong oleh program Kemunculan Penyakit Berjangkit dan Ekonomi Lanskap yang Diubah (IDEEAL) yang dibiayai Agensi Pembangunan Antarabangsa Amerika Syarikat (USAID).

Ia akan ditempatkan di Fakulti Perubatan dan Sains Kesihatan dengan para penyelidiknyanya datang daripada fakulti tersebut serta Fakulti Perniagaan dan Ekonomi.

Program IDEEAL mempromosikan pembangunan ekonomi yang teguh dan lestari sementara mengekalkan sistem ekologi dan melindungi kesihatan.

Sempena pemeteraian MoU tersebut, DHRU akan mengadakan persidangan sulung ‘Hubungan di antara Pertukaran Penggunaan Tanah, Pembangunan dan Kesihatan’ esok (Mei 14).

Penceramah-penceramah jemputan di datangkan dari Australia, Amerika Syarikat dan Malaysia manakala para peserta termasuklah kakitangan kerajaan, industri, NGO, fakulti serta para pelajar.